



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 JLD.2(62)
Tarikh : 27 Disember 2024
Bersamaan : 25 Jamadil Akhir 1446H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Di bawah seliaan JANM Melaka**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KERJA BIL. 62/2024/O: PENYERAHAN SIJIL PERAKUAN PANJAR
WANG RUNCIT (PWR) BAGI PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN KEWANGAN 2024**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 2 Tahun 2021, adalah menjadi tanggungjawab pemegang panjar untuk menjana dan mengesahkan Sijil Perakuan Panjar bagi tujuan penutupan akhir tahun. Surat arahan JANM.600-2/2/6(11) bertarikh 25 September 2024 juga telah menetapkan bahawa pemegang panjar perlu menjana dan mencetak Sijil Perakuan Panjar pada 31 Disember 2024 melalui Portal iGFMAS dan sebarang transaksi panjar bagi tahun kewangan baharu hanya boleh dibuat setelah Sijil Perakuan PWR pada 31 Disember 2024 dicetak.

3. Sehubungan itu, semua pemegang panjar PWR dikehendaki mengemukakan dua (2) salinan asal secara serahan tangan laporan-laporan berikut kepada Unit Akaun, JANM Melaka selewat-lewatnya pada **10 Januari 2025 (Jumaat)**:

- a) Laporan Buku Wang Runcit sehingga 31 Disember 2024;
- b) Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit Pada 31 Disember 2024;
- c) Lampiran I: Senarai Rekupmen Yang Diminta Tetapi Belum Dijelaskan Pada 31 Disember 2024;
- d) Lampiran II: Senarai Baucar Kecil Yang Belum Dibuat Rekupmen Pada 31 Disember 2024; dan
- e) Salinan dokumen Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar yang disahkan (Dicap Rekupmen Terakhir).


4. Bersama-sama ini disertakan Tatacara Penyediaan Buku Wang Runcit dan Tatacara Penyediaan Sijil Perakuan Panjar sebagai rujukan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan boleh berhubung pegawai Unit Akaun seperti berikut:

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|-------------|
| 4.1 | Puan Siti Nadia Binti Atan | - | 06-289 5060 |
| 4.2 | Puan Nurkhalila Binti Mohd Hamsin | - | 06-289 5088 |

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,


(AIDAH BINTI MOHD ISA c.a.(M))
Penolong Pengarah Kanan (Operasi),
b.p Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.